

Tata Tertib Sedunia Kelakuan Bisnis dan Etika

Panduan untuk Piawaian
Etika Sedunia dan Kepatuhan
Peraturan oleh Synthes

September 2006





Hansjörg Wyss

Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif

1 September 2006


Setiap hari kita menghadapi keadaan yang mencabar, syarat-syarat dan pilihan. Di Synthes, kita mempunyai komitmen terhadap menangani cabaran-cabaran ini dengan bertindak menurut tingkat piawaian profesional dan etika tertinggi dalam industri kita.

Kepatuhan kita terhadap Tata Tertib dikeluarkan pertama kali pada bulan Jun 2005. Tercantum pada surat ini ialah Tata Tertib Sedunia Kelakuan Bisnes dan Etika kita yang baru. Tata Tertib Sedunia Kelakuan Bisnes dan Etika kita membantu kita mengekalkan piawaian kita yang tinggi dengan memberi kita suatu kenyataan tentang nilai-nilai kita bersama, serta suatu rangka etika dan kelakuan bagi memandu tindakan kita. Tata tertib ini juga membantu menjawab pertanyaan kita tentang etika korporat dan kepatuhan.

Sila luangkan masa untuk meneliti Tata Tertib Sedunia kita. Bila-bila masa kita menghadapi sesuatu situasi etika, kita semua mempunyai tanggungjawab peribadi untuk menanganinya dengan cara yang mencerminkan nilai-nilai kita bersama. Anda bertanggungjawab membaca seluruh Tata Tertib Sedunia ini dan cuba memahami dan mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkenaan bagi anda, di samping piawaian, dasar dan kaedah Synthes.

Synthes dipercayai dan dihormati dalam masyarakat bisnes. Melalui komitmen kita terhadap kelakuan bisnes dan kepatuhan, kita akan tetap mengekalkan nama baik kita yang cemerlang.

Yang ikhlas,



Hansjörg Wyss

Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif

Synthes, Inc.



1	Pendahuluan	1
2	Hubungan Kita Antara Satu Sama Lain	2
	Saling Menghormati	2
	Kemajmukan	2
	Komunikasi	2
	Pengembangan Profesional	2
3	Hubungan Kita dengan Pelanggan Kita dan Pihak Lain yang Mempengaruhi Pembelian Keluaran dan Perkhidmatan Kita	2
	Rasuah dan Bayaran Tidak Wajar	3
	Penghargaan Bisnes	3
	Sumbangan Amal	3
4	Hubungan Kita dengan Pembekal, Penjual dan Kontraktor Lain Kita	4
	Pemilihan	4
	Penghargaan Bisnes	4
5	Hubungan Kita dengan Pengawal, Masyarakat dan Pesaing Kita	4
	Pengawal Kita	3
	Pegawai dan Kakitangan Kerajaan, Parti dan Calon Politik	5
	Pesaing Kita	5
	Persaingan	6
	Amalan Persekitaran	6
6	Kelakuan dan Amalan Bisnes Am Kita	6
	Profesionalisme dan Etika	6
	Kepatuhan pada Undang-undang	6
	Mutu	7
	Hal Ehwal Klinikal dan Pengawasan	7
	Syarat-syarat Kawalan Perdagangan	7
	Integriti Kewangan	7
	Maklumat Sulit dan Maklumat Syarikat	7
	Harta Intelektual	8
	Konflik Kepentingan	8
	Perdagangan Dalaman	9
	Catatan Bisnes	9
	Dasar dan Peraturan	9
7	Program Kepatuhan Korporat Kita	10
	Pengurusan Program	10
	Komunikasi Kepatuhan	10
	Komitmen Kita	11
	Penilaian dan Disiplin	11
	Ejen, Kontraktor dan Penjual	11
8	Mencari Sokongan; Mengambil Tindakan	12



1 Pendahuluan

Kita berdedikasi terhadap menyediakan keluaran, peralatan dan teknologi canggih bagi pesakit kita, para pelanggan dan masyarakat perubatan, serta mengekalkan tingkat tertinggi piawaian profesional dan etika dalam industri kita. Bagi menyokong usaha ini, kita telah mengembangkan Tata Tertib Sedunia Kelakuan Bisnes dan Etika ini. Tata Tertib Sedunia ini disusun ke dalam enam kategori yang mengandungi prinsip-prinsip pemandu yang harus diikuti oleh setiap kakitangan di Synthes bagi memandu tindakan kita dalam segala kegiatan kita:

- **Hubungan Kita antara Satu Sama Lain**
- **Hubungan Kita dengan Pelanggan Kita dan Pihak Lain yang Mempengaruhi Pembelian Keluaran Kita**
- **Hubungan Kita dengan Pembekal, Penjual dan Kontraktor Lain Kita**
- **Hubungan Kita dengan Pengawal, Masyarakat dan Pesaing Kita**
- **Kelakuan dan Amalan Bisnes Am Kita**
- **Program Kepatuhan Kita**

Semua pengarah, pegawai dan kakitangan Synthes mesti mematuhi Tata Tertib Sedunia ini secara tersurat mahupun tersirat. Penyelia dan pengurus mempunyai tanggungjawab tambahan untuk menjadi teladan positif dari segala segi, bagi mengawasi secara teliti kepatuhan kakitangan mereka, dan mengekalkan budaya kita yang menganjurkan piawaian tertinggi profesionalisme, etika dan kepatuhan. Siapapun yang mempunyai pertanyaan atau keprihatinan tentang Tata Tertib Sedunia ini harus meminta nasihat daripada penyeliannya. Penyelia ialah orang yang paling tepat bagi memahami isu-isu kakitangan dan memberi bantuan segera. Namun, jika siapapun kurang selesa bercakap dengan penyeliannya atau memerlukan maklumat lanjut, ia juga dapat menghubungi Wakil Kepatuhan tempatannya, Ketua Pegawai Kepatuhan kita atau jabatan undang-undang kita.

2 Hubungan Kita Antara Satu Sama Lain

Kita mendirikan hubungan kita dengan kepercayaan dan keyakinan bahawa semua kakitangan di Synthes mempunyai komitmen terhadap melakukan perkara yang betul. Kita mempunyai komitmen terhadap bekerjasama sebagai satu kumpulan, dan memupuk komunikasi terbuka dalam persekitaran di mana semua orang diperlakukan dengan adil, hormat dan menurut martabat.

Saling Menghormati

Kita berusaha menciptakan persekitaran saling menghormati, profesionalisme, martabat, kesopanan dan keadilan.

Kemajmukan

Kita memeluk kemajmukan kita sebagai suatu kekuatan untuk dimanfaatkan bagi kejayaan kita bersama, dan berusaha menciptakan persekitaran yang bebas daripada gangguan dan diskriminasi.

Komunikasi

Kita menggalakkan komunikasi yang terbuka dan jujur, dan menghargai sudut pandang daripada orang yang mencabar pandangan kita.

Pengembangan Profesional

Kita menganjurkan pengembangan profesional dan menyokong pembelajaran berterusan dan pencapaian individu.

3 Hubungan Kita dengan Pelanggan Kita dan Pihak Lain yang Mempengaruhi Pembelian Keluaran dan Perkhidmatan Kita

Kita amat menghargai hubungan bisnes dan profesional kita. Namun, tiada hubungan sedemikian yang lebih penting daripada etika dan nama baik kita. Segala hubungan bisnes dan profesional kita mesti mencerminkan komitmen kita pada kejujuran, integriti dan kepatuhan undang-undang.

Rasuah dan Bayaran Tidak Wajar

Kita melarang rasuah dan bayaran tidak wajar yang lain secara ketat (dan juga segala jenis faedah lain) yang ditawarkan kepada siapapun dengan tujuan mempengaruhi mereka agar mencadangkan, menggunakan atau membeli keluaran atau perkhidmatan kita.

Penghargaan Bisnes

Kita hanya akan menawarkan atau menerima penghargaan bisnes, misalnya hiburan, hidangan dan pemberian, yang sederhana nilainya dan tidak mempengaruhi (atau bahkan kelihatan mempengaruhi) keputusan klinikal atau bisnes.

Kita melarang penawaran atau penerimaan wang tunai atau yang bersamaan. Di mana tiada dasar tempatan yang mentakrifkan piawaian kita untuk penghargaan bisnes secara lanjut, segala penghargaan bisnes mesti diluluskan, terlebih dahulu, oleh penyelia anda.

Sumbangan Amal

Kita menyokong tindakan amal, dan memberi sumbangan kepada badan amal yang sah. Sumbangan amal harus tidak sekali-kali bergantung pada, atau berkaitan dengan pembelian keluaran kita.

Siapapun yang memberi sumbangan amal peribadi harus mengelakkan daripada memberi sumbangan dalam keadaan di mana sumbangannya mungkin kelihatan mempengaruhi pembelian keluaran. Sumbangan sedemikian memerlukan kelulusan terlebih dahulu daripada Wakil Kepatuhan tempatan anda, Ketua Pegawai Kepatuhan kita atau jabatan undang-undang kita.

4 Hubungan Kita dengan Pembekal, Penjual dan Kontraktor Lain Kita

Kita mempunyai komitmen terhadap mengelola hubungan kita dengan pembekal, penjual atau kontraktor lain secara adil menurut amalan bisnes yang sah, dan mempunyai komitmen terhadap tanggungjawab kita sebagai pelanggan yang baik.

Pemilihan

Kita memilih pembekal, penjual dan kontraktor lain kita berdasarkan kelayakan, pengalaman dan hal ehwal bisnes lain yang sah. Pemilihan harus tidak sekali-kali terpengaruh oleh hubungan peribadi, atau oleh penerimaan penghargaan bisnes yang tidak wajar.

Penghargaan Bisnes

Kita hanya akan menawarkan atau menerima penghargaan bisnes, misalnya hiburan, hidangan dan pemberian, yang sederhana nilainya dan tidak mempengaruhi (atau bahkan kelihatan mempengaruhi) keputusan klinikal atau bisnes. Kita melarang penawaran atau penerimaan wang tunai atau yang bersamaan. Di mana tiada dasar termpatan yang mentakrifkan piawaian kita untuk penghargaan bisnes secara lanjut, segala penghargaan bisnes harus diluluskan, terlebih dahulu, oleh penyelia anda.

5 Hubungan Kita dengan Pengawal, Masyarakat dan Pesaing Kita

Kita memperlakukan semua orang secara adil dan hormat, dan berusaha menjadi pemimpin sebagai warga korporat yang baik. Kita mengakui dan menerima tanggungjawab kita untuk pemerintahan diri, dan memantau kepatuhan kita pada undang-undang dan peraturan. Kita mempunyai komitmen terhadap persekitaran bisnes di mana kepatuhan pada undang-undang dan amalan bisnes yang baik merupakan teras daripada budaya kita.

Pengawal Kita

Kita bekerja secara jujur dengan semua badan kerajaan. Siapapun yang berurusan dengan badan kerajaan harus sopan, dan segera menghubungi penyeliaanya untuk bantuan. Pengurusan Synthes akan membincangkan hal-hal yang relevan dengan badan kerajaan, dan akan memberikan maklumat yang berhak diterima.

Pegawai dan Kakitangan Kerajaan, Parti dan Calon Politik

Kita tidak akan menawarkan atau melakukan bayaran (atau memberi apapun yang bernilai) kepada pegawai kerajaan, kakitangan kerajaan, parti politik atau calon pilihan raya bagi tujuan mendapatkan atau mengekalkan perniagaan dengan, atau menyalurkan perniagaan kepada siapapun. Kita tidak akan memerintahkan, mengesahkan atau membantu sebarang pihak lain untuk melanggar dasar ini.

Kita terbatas daripada memberi sebarang sumbangan kepada pegawai kerajaan, kakitangan kerajaan, parti politik atau calon pilihan raya bagi pihak Synthes. Segala bayaran yang dilakukan bagi pihak Synthes, atau yang mungkin kelihatan bagi pihak Synthes, harus diluluskan terlebih dahulu oleh jabatan undang-undang kita, serta pengurus kanan daripada bahagian bisnes atau jabatan anda.

Pesaing Kita

Kita bersaing dengan pesaing kita secara adil, jujur dan terbuka, dan berusaha mendapatkan kelebihan melalui keluaran dan prestasi cemerlang sahaja. Dalam hal ini, kita hanya menyampaikan maklumat yang lengkap, tepat dan benar berkenaan dengan keluaran dan perkhidmatan kita, dan apabila diminta membandingkan diri kita dengan pesaing, kita menyampaikan maklumat secara tepat dan adil bagi kedua-dua pihak. Kita melarang amalan bisnes yang tidak beretika atau haram.

Persaingan

Kita melarang sebarang kegiatan yang mungkin dianggap sesuatu tindakan haram yang anti-persaingan. Kita melarang perbincangan dengan pesaing kita berkenaan dengan: (1) harga, potongan harga atau syarat-syarat penjualan; (2) untung, marjin untung atau data biaya; (3) bahagian pasaran, wilayah atau pasaran penjualan; (4) peruntukan pelanggan atau wilayah; (5) pemilihan, penolakan atau pemberhentian pelanggan atau pembekal; (6) membatasi wilayah atau pasaran di mana sesebuah syarikat boleh menjual keluaran; dan (7) membatasi kepada pelanggan mana sesebuah syarikat dapat melakukan penjualan.

Amalan Persekitaran

Kita mengakui tanggungjawab kita dalam melakukan kegiatan kita dengan cara yang melindungi dan mengekalkan sumber alam kita, dan mematuhi semua undang-undang persekitaran yang berkenaan.

6 Kelakuan dan Amalan Bisnes Am Kita

Nama baik kita didirikan berdasarkan penilaian yang baik, piawaian tinggi dan integriti peribadi. Semua kakitangan mesti melakukan kegiatan sehari-harinya dengan cara yang beretika dan bertanggungjawab.

Profesionalisme dan Etika

Semua kakitangan diharuskan mengekalkan tingkat tertinggi integriti, ketertiban dan profesionalisme sepanjang masa.

Kepatuhan pada Undang-undang

Kita semua bertanggungjawab mengetahui dan mematuhi semua undang-undang, peraturan, dasar dan adat tempatan yang berkenaan dalam pekerjaan kita. Kegiatan yang melanggar undang-undang atau dasar kita berada di luar tugas kita, dan tidak sekali-kali mendatangkan faedah bagi syarikat kita. Semua kakitangan dilarang secara ketat daripada terlibat dalam sebarang kegiatan sedemikian.

Mutu

Kita mempunyai komitmen terhadap menyediakan keluaran, peralatan dan teknologi yang selamat dan canggih bagi pesakit kita, pelanggan dan masyarakat perubatan. Semua kakitangan mesti memberi hasil kerja yang bermutu, dan diharuskan melaporkan kepada penyeliaanya sebarang keprihatinan berkenaan dengan kekurangan mutu.

Hal Ehwal Klinikal dan Pengawasan

Kita mematuhi segala syarat peraturan keluaran yang berkenaan untuk kelulusan pemasaran, pelaksanaan kajian klinikal, amalan pengeluaran yang baik, kawalan reka bentuk, label dan pengiklanan serta piawaian undang-undang yang serupa. Semua kakitangan mesti melaporkan sebarang pertanyaan atau keprihatinan tentang syarat-syarat ini kepada penyeliaanya, kepada Wakil Kepatuhan tempatan atau kepada Ketua Pegawai Kepatuhan.

Syarat-syarat Kawalan Perdagangan

Kita mematuhi semua undang-undang dan peraturan berkenaan dengan import dan eksport keluaran kita, misalnya pembatasan import dan eksport, syarat-syarat surat pelesenan, peraturan kastam, undang-undang antiboikot dan syarat undang-undang lain yang serupa. Semua kakitangan diharuskan melaporkan sebarang pertanyaan atau keprihatinan tentang syarat-syarat ini kepada penyeliaanya, kepada Wakil Kepatuhan tempatan atau kepada Ketua Pegawai Kepatuhan.

Integriti Kewangan

Kita memberi maklumat yang lengkap, adil, jita, tepat waktu dan mudah difahami dalam semua laporan kewangan dan dokumen kita menurut dasar, undang-undang dan piawaian yang berkenaan di kawasan asalnya. Kita melarang sebarang percubaan untuk mempengaruhi atau mengelirukan juru audit manapun berkenaan dengan penyata, proses atau kawalan kewangan.

Maklumat Sulit dan Maklumat Syarikat

Kita melindungi segala maklumat sulit dan maklumat syarikat. Pendedahan atau penggunaan maklumat sulit atau maklumat syarikat secara tidak sah adalah terlarang, termasuk maklumat pelanggan dan penjual. Kita mengambil segala langkah bagi melindungi maklumat ini, dan mematuhi secara ketat undang-undang dan peraturan yang berkenaan di kawasan kita. Semasa melindungi maklumat yang berkaitan dengan pesakit, kita hanya menerima maklumat yang diperlukan bagi menjalankan kegiatan kita, dan melindungi kerahsiaan maklumat tersebut secara wajar seakan-akan merupakan maklumat kita sendiri. Kita melakukan usaha jujur bagi mematuhi semua dasar pelanggan yang berkenaan dengan kerahsiaan maklumat pesakit yang dapat dikenal pasti secara individu.

Harta Intelektual

Semua kakitangan harus melindungi, dan harus tidak melanggar hak harta intelektual, termasuk paten, tanda dagang, rahsia dagang dan hak cipta kita, dan juga yang dimiliki badan lain.

Konflik Kepentingan

Semua kakitangan harus mengelakkan keadaan di mana kepentingan peribadinya mungkin kelihatan (atau sebenarnya) bertentangan dengan kepentingan terbaik Synthes. Kakitangan diharuskan memberitahu penyeliaanya apabila terdapat keadaan yang melibatkan konflik kepentingan yang mungkin atau dianggap wujud. Konflik ini mungkin melibatkan menggaji saudara, pemilikan perniagaan lain, pekerjaan luar atau konflik kepentingan lain yang mungkin. Anda harus tidak sekali-kali menyokong kegiatan yang bertentangan dengan kepentingan Synthes, termasuk peluang yang ditemui melalui penggunaan harta atau maklumat kami, atau yang bersaing dengan kami. Pelaburan dalam dana bersama, dana amanah atau alat hutang syarikat berhad yang didagangkan di bursa tidak menimbulkan konflik kepentingan. Kakitangan

yang mempunyai pertanyaan atau keprihatinan tentang konflik kepentingan harus menghubungi Wakil Kepatuhan tempatannya, atau Ketua Pegawai Kepatuhan atau jabatan undang-undang kita.

Perdagangan Dalaman

Kita melarang memperdagangkan atau menyampaikan kepada pihak lain, maklumat material non-awam mengenai Synthes atau tentang syarikat lain yang diperoleh dalam pekerjaan kita di Synthes. Contoh maklumat material non-awam termasuk ramalan atau laporan penjualan dan hasil, penggabungan atau pemerolehan, dan pengembangan keluaran baru atau pelancaran keluaran.

Catatan Bisnes

Kita melaporkan segala maklumat yang berkaitan dengan bisnes secara jujur, tepat waktu dan jitu. Kita menyimpan dan membuang maklumat ini menurut segala syarat undang-undang dan pengawalan kita, serta dasar dan kaedah kita.

Dasar dan Peraturan

Kita mengakui bahawa piawaian, di samping Tata Tertib Sedunia ini, menentukan kelakuan kita. Piawaian-piawaian ini termasuk dasar dan kaedah unit bisnes, jabatan dan kawasan kita, termasuk dasar dan kaedah kita berkenaan dengan kakitangan. Piawaian-piawaian ini tetap berkenaan bagi semua kakitangan, di mana berkenaan. Apabila terdapat konflik antara Tata Tertib Sedunia ini dan dasar atau kaedah manapun, Tata Tertib Sedunia inilah yang harus dipatuhi.

7 Program Kepatuhan Korporat Kita

Program kepatuhan korporat kita ditujukan bagi menunjukkan dengan cara yang sejelas mungkin komitmen mutlak kita terhadap piawaian tertinggi etika dan kepatuhan. Komitmen tersebut merupakan teras kejayaan kita, dan terkait dalam seluruh usaha kita.

Pengurusan Program

Program kepatuhan kita dipimpin oleh Ketua Pegawai Kepatuhan kita, yang bertanggungjawab atas pengembangan, pelaksanaan dan pengurusan program kita di seluruh dunia. Ketua Pegawai Kepatuhan kita disokong oleh Wakil Kepatuhan kawasan kita (Eropah, Amerika Latin, Asia Pasifik) yang bertanggungjawab atas program kepatuhan di kawasannya. Ketua Pegawai Kepatuhan kita berfungsi sebagai Wakil Kepatuhan untuk Amerika Utara. Ketua Pegawai Kepatuhan dan Wakil Kepatuhan kita disokong oleh Jawatankuasa Kepatuhan Korporat sedunia kita, dan terdiri daripada pelbagai pengurus syarikat kita yang berunding secara tetap dengan Ketua Pegawai Kepatuhan kita.

Komunikasi Kepatuhan

Menjawab pertanyaan dan keprihatinan kepatuhan merupakan suatu keutamaan terpenting. Terlebih dahulu, dan sedapat mungkin, anda harus membincangkan pertanyaan dan keprihatinan anda dengan segera, apabila timbul, dengan penyelia anda. Penyelia anda ialah orang yang tepat bagi memahami isu-isu anda dan memberi bantuan segera. Namun, jika anda kurang selesa bercakap dengan penyelia anda atau memerlukan maklumat lanjut, anda boleh mengajukan pertanyaan atau keprihatinan anda langsung kepada Wakil Kepatuhan tempatan anda atau kepada Ketua Pegawai Kepatuhan kita. Di mana disediakan, anda juga boleh menghubungi Talian Bantuan bebas tol kita, atau anda boleh menghubungi kita secara bertulis melalui Paut Bantuan Kepatuhan kita. Maklumat mengenai Talian Bantuan Kepatuhan

dan Paut Bantuan Kepatuhan kita dapat diperoleh daripada tapak intranet kita dan tapak web internet kita, atau daripada Wakil Kepatuhan atau Ketua Pegawai Kepatuhan kita.

Komitmen Kita

Setiap kakitangan mempunyai tanggungjawab peribadi untuk mengetahui Tata Tertib Sedunia ini, dan bertindak menurut syarat-syarat. Tindakan yang haram atau tidak beretika tidak boleh disokong dengan alasan bertindak menurut perintah siapapun, termasuk seseorang penyelia. Sebarang kegiatan yang melanggar undang-undang berada di luar tugas semua kakitangan, dan terlarang secara ketat. Para penyelia diharuskan menganjurkan Tata Tertib Sedunia ini secara tersurat mahupun tersirat, memastikan kepatuhan dan segera melaporkan kejadian ketidakpatuhan kepada Wakil Kepatuhan tempatannya atau kepada Ketua Pegawai Kepatuhan kita.

Penilaian dan Disiplin

Adalah wajib untuk mengikuti program kepatuhan korporat kita dan mengambil bahagian dalam kegiatan yang berkaitan dengan program kepatuhan, dan ini merupakan faktor yang penting dalam penilaian prestasi kakitangan. Siapapun yang melanggar syarat-syarat Tata Tertib Sedunia ini, atau yang gagal mengambil bahagian dalam kegiatan yang berkaitan dengan program kepatuhan, dikenakan tindakan disiplin menurut prosedur disiplin kakitangan sumber manusia yang berkenaan, sampai dan termasuk pemecatan.

Ejen, Kontraktor dan Penjual

Kita berdedikasi terhadap bekerjasama dengan sahabat bisnes yang juga mempunyai piawaian yang sama untuk kelakuan bisnes dan etika. Semua ejen, kontraktor dan penjual Synthes diharuskan mematuhi Tata Tertib Sedunia ini dalam hubungannya dengan Synthes.

8 Mencari Sokongan; Mengambil Tindakan

Dalam mengembangkan Tata Tertib Sedunia Kelakuan Bisnes dan Etika ini, kita telah berusaha memberi panduan yang bermakna dan mudah difahami mengenai piawaian-piawaian kita tentang kepatuhan undang-undang dan etika. Namun, kita mengakui bahawa tiada tata tertib yang dapat menangani segala pertanyaan atau keprihatinan yang mungkin, atau menduga segala kemungkinan. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau keprihatinan mengenai Tata Tertib Sedunia ini atau sebarang persoalan kepatuhan yang lain, anda harus meminta nasihat daripada penyelia anda. Jika anda kurang selesa bercakap dengan penyelia anda, atau memerlukan maklumat lanjut, anda juga boleh menghubungi Wakil Kepatuhan tempatan anda, Ketua Pegawai Kepatuhan kita atau jabatan undang-undang kita. Di mana disediakan, anda juga boleh menghubungi Talian Bantuan atau Paut Bantuan Kepatuhan kita, seperti yang dijelaskan dalam Bahagian 7 daripada Tata Tertib Sedunia ini.

Anda sedang bekerja di Synthes kerana profesionalisme anda, penilaian anda yang baik dan komitmen anda terhadap kejayaan kita. Tiada peraturan yang dapat menggantikan sikap keadilan, kejujuran dan integriti anda sendiri. Kita bahkan ingin mencegah kelihatan melakukan sesuatu yang salah. Oleh demikian, jika anda kurang pasti tentang tindakan yang harus diambil, atau menghadapi keputusan yang sukar, berhenti, pertimbangkan apa yang sedang anda lakukan, dan minta nasihat. Jika sesuatu kelihatan termasuk dalam dalam garis panduan kita, tetapi anda masih berasa kurang selesa atau prihatin, sila dapatkan bantuan. Kami telah mempercayakan nama baik dan kejayaan masa hadapan kami kepada anda, sebagai seorang ahli kumpulan kita yang bernilai, dan berterima kasih kepada anda kerana menyokong nilai-nilai dan prinsip-prinsip kita bersama.



